

**PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN MENGGUNAKAN *GOOGLE CLASSROOM*
OLEH GURU BAHASA MELAYU SEKOLAH RENDAH DI DAERAH KANOWIT,
SARAWAK.**

**[KNOWLEDGE AND SKILLS IN USING GOOGLE CLASSROOM AMONG
PRIMARY SCHOOL MALAY LANGUAGE TEACHERS]**

MARIANA ANAK ASON^{*1} & HAZRATI HUSNIN¹

^{1*} Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.
Correspondent Email: mariana260479@gmail.com

Received: 24 June 2025

Accepted: 26 July 2025

Published: 18 August 2025

Abstrak Kajian ini bertujuan untuk menganalisis pengetahuan dan kemahiran menggunakan teknologi Google Classroom dalam kalangan guru Bahasa Melayu sekolah rendah di sekolah kebangsaan di daerah Kanowit, Sibul, Sarawak. Kajian kuantitatif berbentuk deskriptif ini dijalankan secara tinjauan menggunakan instrumen soal selidik yang melibatkan seramai 35 orang guru di kawasan kajian yang dipilih melalui persampelan rawak berstruktur. Dapatan kajian dianalisis menggunakan kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai dan analisis korelasi Pearson dengan menggunakan perisian SPSS versi 27.0. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kemanfaatan dan kebergunaan Google Classroom bagi guru Bahasa Melayu sekolah rendah adalah pada tahap sederhana, di mana bacaan bagi tahap Perceive Usefulness dan Perceive Ease of Use menunjukkan min purata = 2.91 dan sisihan piawai = 0.726, manakala bacaan bagi Attitude Toward Using iaitu Tahap sikap guru terhadap penggunaan Google Classroom dalam kalangan guru Bahasa Melayu sekolah rendah menunjukkan min purata = 2.82 dan sisihan piawai = 0.687. Dapatan analisis korelasi Pearson $r = 0.869$, $\text{sig} = 0.001$ iaitu $p < 0.01$ ($p = 0.001$) menunjukkan nilai yang signifikan, menandakan terdapat hubungan yang tinggi dan positif antara Perceive Usefulness (Kemanfaatan) dan Perceive Ease of Use (Kebergunaan) dengan Attitude Toward Using Google Classroom (Sikap). Implikasi kajian ini boleh memberikan input yang berguna kepada pihak pengurusan sekolah dalam mentadbir proses pembelajaran di dalam bilik darjah serta merancang pelbagai strategi yang berkesan dalam usaha meningkatkan penglibatan murid secara menyeluruh dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Kata Kunci: Google Classroom, korelasi Pearson, kemanfaatan, kebergunaan, guru Bahasa Melayu.

Abstract: This study aims to analyze the knowledge and skills in using Google Classroom technology among primary school Malay language teachers in national schools in the Kanowit district, Sibul, Sarawak. This quantitative descriptive study was conducted through a survey using a questionnaire instrument involving 35 teachers in the study area, selected through stratified random sampling. The research findings were analyzed using frequency, percentage, mean, standard deviation, and Pearson correlation analysis with SPSS software version 27.0. The findings revealed that the level of perceived usefulness and perceived ease of use of Google Classroom among Malay language teachers in primary schools was at a moderate level, where the mean score for Perceived Usefulness and Perceived Ease of Use was $M = 2.91$ and standard deviation = 0.726. Meanwhile, the score for Attitude Toward Using Google Classroom among the teachers showed a mean of $M = 2.82$ and a standard deviation of 0.687. The Pearson correlation analysis result ($r = 0.869$, $\text{sig} = 0.001$) with $p < 0.01$ ($p = 0.001$) indicated a

significant value, suggesting a strong and positive relationship between Perceived Usefulness and Perceived Ease of Use with Attitude Toward Using Google Classroom. The implications of this study can provide useful input to school management in administering the teaching and learning process in classrooms, as well as in planning effective strategies to enhance students' overall engagement in school-based teaching and learning activities.

Keywords: Google Classroom, Pearson correlation, Perceived Usefulness, Perceived Ease of Use, Malay language teachers.

Cite This Article:

Mariana Anak Ason & Hazrati Husnin. (2025). Pengetahuan Dan Kemahiran Menggunakan *Google Classroom* Oleh Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah Di Daerah Kanowit, Sarawak. [Knowledge And Skills In Using Google Classroom Among Primary School Malay Language Teachers]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 5(4): 33-46.

PENGENALAN

Di abad ke-21, dunia pendidikan menghadapi pelbagai cabaran dan peluang yang berpunca daripada kemajuan teknologi yang pesat membangun. Dalam konteks ini, peranan guru bahasa Melayu bukan sahaja terhad kepada penyampaian pengetahuan, tetapi juga merangkumi penguasaan kemahiran teknologi yang berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Integrasi teknologi dalam pendidikan menjadi semakin penting bagi memastikan bahawa pelajar tidak hanya mampu menguasai bahasa, tetapi juga dapat menggunakan bahasa secara berkesan dalam dunia digital.

Penguasaan teknologi menjadi elemen penting yang perlu dimiliki oleh guru, termasuk guru Bahasa Melayu. Teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang semakin berkembang pesat turut mengubah cara pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan. Guru Bahasa Melayu diharapkan agar tidak hanya menguasai bahasa itu sendiri, tetapi turut memiliki pengetahuan dan kemahiran teknologi yang mencukupi agar dapat mengintegrasikan teknologi dalam pengajaran. Hal ini amat penting untuk membentuk para pelajar yang dapat bersaing pada peringkat global dan berteknologi tinggi.

Guru bahasa Melayu sebagai agen pengubah dalam mendidik generasi muda, perlu menguasai pengetahuan serta kemahiran teknologi untuk memastikan mereka mampu menghadapi cabaran dalam pengajaran dan pembelajaran. Dalam konteks ini, peranan teknologi bukan sekadar sebagai alat bantu, tetapi sebagai komponen penting yang membentuk pengalaman pendidikan yang lebih berkesan dan menyeluruh (Aziz et al., 2023).

Integrasi teknologi dalam pendidikan bahasa Melayu dilihat sebagai langkah penting untuk meningkatkan penglibatan pelajar, penguasaan kemahiran berbahasa, serta mempersiapkan mereka untuk berinteraksi dalam dunia yang semakin digital. Menurut Mohd Nor et al. (2022), penggunaan platform pembelajaran digital seperti Google Classroom dan aplikasi pendidikan lain telah terbukti dapat meningkatkan motivasi pelajar dan menyediakan akses yang lebih luas kepada sumber pendidikan. Kajian ini menunjukkan bahawa guru yang menggunakan teknologi secara berkesan dalam PdPc dapat menyemai minat pelajar terhadap bahasa Melayu dan menggalakkan mereka untuk berfikir secara kritis.

Strategi pengajaran yang berasaskan teknologi juga membolehkan guru untuk mencipta pengalaman pembelajaran yang lebih menarik. Dalam kajian oleh Ibrahim dan Mahmud (2024), mendapati bahawa metode pembelajaran yang memanfaatkan teknologi dapat meningkatkan kemahiran pemikiran kritis dan kreatif dalam kalangan pelajar. Ini bertepatan dengan keperluan untuk melahirkan individu yang bukan sahaja tahu berbahasa, tetapi juga mampu beradaptasi dengan pelbagai situasi dalam dunia yang berubah dengan pantas.

Dalam konteks pendidikan bahasa Melayu, kemahiran teknologi bukan hanya terhad kepada penggunaan alat, tetapi juga melibatkan pemahaman pedagogi yang berkaitan dengan teknologi. Menurut Mohamad dan Ismail (2024), penguasaan pedagogi teknologi adalah kunci kepada keberhasilan pengintegrasian teknologi dalam kurikulum. Ini menunjukkan bahawa guru perlu dilatih bukan sahaja tentang bagaimana menggunakan teknologi, tetapi juga tentang cara untuk menyampaikannya secara efektif dalam konteks pengajaran bahasa.

KAJIAN LITERATUR

Era globalisasi dan kemajuan teknologi telah membawa perubahan besar dalam bidang pendidikan. Dalam konteks pengajaran Bahasa Melayu, guru dihadapkan dengan keperluan untuk menguasai pengetahuan dan kemahiran teknologi yang relevan bagi meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran (PBL).

Pelajar boleh menggunakan pelbagai alat dan platform teknologi untuk memperkayakan pengalaman pembelajaran mereka. Menggunakan teknologi dalam pengajaran Bahasa Melayu membolehkan guru menyampaikan kandungan dengan cara yang lebih interaktif dan menarik. Ali dan Hamid (2023) dalam kajian mereka menjelaskan bahawa aplikasi digital seperti *Google Classroom* dan *Microsoft Teams* telah menjadi platform penting dalam mendukung pembelajaran atas talian. Ini membolehkan pelajar berinteraksi secara langsung, berkongsi sumber dan terlibat dalam aktiviti kolaboratif yang memperkuat pemahaman mereka terhadap bahasa.

Dengan adanya teknologi, pengajaran dan pembelajaran dapat dilakukan dalam pelbagai bentuk termasuk video, permainan pembelajaran dan kuiz interaktif. Hal ini terbukti dapat meningkatkan motivasi dan minat pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu (Kamal et al., 2022). Dalam konteks ini, guru perlu memainkan peranan aktif dalam memilih dan menggunakan teknologi yang sesuai untuk mencapai matlamat pembelajaran. Untuk mengintegrasikan teknologi secara efektif, guru perlu memiliki kemahiran digital yang mencukupi. Menurut Mohammad dan Yazid (2024), kemahiran ini meliputi pemahaman tentang alat-alat teknologi, penggunaan perisian pembelajaran dan pengetahuan tentang etika dalam penggunaan internet. Guru yang mahir dalam teknologi dapat merancang aktiviti pengajaran yang lebih berkesan dan sesuai dengan keperluan pelajar.

Kemahiran untuk menilai sumber dalam talian juga sangat penting. Rahman et al. (2022) menekankan bahawa guru perlu dilengkapi dengan pengetahuan mengenai cara menilai kesahihan dan keberkesanan sumber digital bagi memastikan pelajar menerapkan maklumat yang benar dan berkualiti. Latihan berteknologi yang berkesan akan membantu guru untuk mencapai tahap kecekapan yang diperlukan dalam penggunaan alat dan sumber teknologi ini. Penyelidikan oleh Siti & Azman (2025) mendapati guru yang mengikuti program latihan

teknologi secara berkala menunjukkan peningkatan signifikan dalam kemahiran penggunaan alat digital di dalam kelas. Khususnya, dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang ketara antara tahap kemahiran guru sebelum dan selepas menghadiri bengkel atau kursus latihan teknologi.

Dalam kajian yang dilakukan oleh Hisham dan Fatimah (2023), kajian menunjukkan bahawa guru yang mengikuti latihan pengintegrasian teknologi lebih cenderung untuk menggunakan teknologi dalam pengajaran mereka. Ini menunjukkan bahawa sokongan dan bantuan daripada pihak pengurusan pendidikan adalah penting untuk memastikan guru mendapat pendedahan dan kemahiran yang sesuai.

Namun, pengintegrasian teknologi dalam pengajaran Bahasa Melayu tidak terhindar daripada cabaran. Dalam satu kajian yang dilakukan oleh Zainuddin et al. (2024) mendapati bahawa beberapa guru menghadapi kesukaran dalam mengakses peranti dan internet yang diperlukan untuk melaksanakan pengajaran berteknologi. Selain itu, ada juga guru yang kurang yakin dengan kemahiran teknologi mereka yang menyebabkan mereka ragu-ragu untuk menerapkan teknologi dalam bilik darjah. Kekangan ini perlu ditangani untuk memastikan pengintegrasian teknologi dalam pengajaran dapat dilaksanakan dengan berkesan. Pihak sekolah dan kementerian pendidikan perlu memberikan sumber dan sokongan yang diperlukan untuk membantu guru mengatasi cabaran ini.

Tinjauan literatur ini menunjukkan bahawa pengetahuan dan kemahiran teknologi guru Bahasa Melayu abad ke-21 adalah amat penting dalam meningkatkan pengajaran dan pembelajaran. Dengan memanfaatkan teknologi, guru dapat menawarkan pengalaman pembelajaran yang lebih interaktif dan menarik bagi pelajar. Namun, penting juga untuk menyediakan latihan yang mencukupi dan mengatasi cabaran yang dihadapi oleh guru dalam menggunakan teknologi. Dengan cara ini, pendidikan Bahasa Melayu dapat ditransformasikan untuk memenuhi keperluan generasi baru dalam abad yang penuh dengan kemajuan teknologi.

Pemboleh Ubah Tidak Bersandar

1. Kemanfaatan Penggunaan terhadap Google Classroom
2. Kemudahgunaan terhadap Google Classroom



Pemboleh Ubah Bersandar

Sikap terhadap penggunaan google Classroom

Rajah 1.2 Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan Rajah 1.2, kerangka konseptual kajian diadaptasi daripada Model Penerimaan Teknologi Davis (Davis 1989) di mana pembolehubah tidak bersandar terdiri daripada aspek Kemanfaatan dan Kemudahgunaan penggunaan terhadap *Google Classroom*. Kedua-dua aspek ini akan dilihat melalui tahap penggunaan *Google Classroom* dalam kalangan guru Bahasa Melayu di sekolah rendah. Aspek ini diterapkan oleh guru dalam pelaksanaan pengajaran matapelajaran Bahasa Melayu dalam kajian ini. Bagi pemboleh ubah tidak

bersandar pula ialah sikap terhadap penggunaan *Google Classroom* dalam kalangan guru Bahasa Melayu di sekolah rendah kebangsaan (SK) di daerah Kanowit.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif untuk menilai pengetahuan dan kemahiran teknologi yang dimiliki oleh guru Bahasa Melayu abad ke-21. Pendekatan ini membolehkan pengumpulan data yang lebih menyeluruh dan memberikan pemahaman yang mendalam mengenai isu-isu yang dihadapi guru dalam integrasi teknologi dalam pengajaran bahasa. Metodologi ini juga membantu dalam mengenal pasti hubungan antara pengetahuan teknologi dan keberkesanan pengajaran yang dilakukan oleh guru.

Reka bentuk kajian ini meliputi pengumpulan data melalui borang soal selidik. Borang soal selidik akan digunakan untuk mendapatkan maklumat secara kuantitatif tentang pengetahuan dan kemahiran guru. Diharapkan hasil kajian ini dapat memberi gambaran yang jelas tentang keperluan latihan dan sokongan untuk guru dalam penggunaan teknologi pengetahuan dan kemahiran bahasa Melayu.

Pendekatan kuantitatif difokuskan kepada penganalisan data yang diperoleh melalui soal selidik, yang dirancang untuk mengukur tahap pengetahuan dan kemahiran teknologi guru. Soal selidik ini mengandungi item-item berkaitan dengan penggunaan teknologi dalam pengajaran, pengetahuan tentang alat dan sumber digital serta keyakinan guru dalam menggunakan teknologi di dalam bilik darjah. Reka bentuk kajian juga akan memastikan bahawa sampel yang dipilih adalah representatif dan mencakupi pelbagai latar belakang pendidikan dan pengalaman pengajaran. Data kuantitatif ini akan dianalisis menggunakan perisian SPSS Versi 27.0 bagi mendapatkan suatu pemahaman yang komprehensif terhadap isu yang diteliti.

Prosedur kajian ini melibatkan beberapa langkah yang sistematik untuk memastikan pengumpulan data yang efektif dan sah. Langkah pertama adalah merangka dan membangunkan soal selidik yang akan diedarkan kepada guru-guru Bahasa Melayu. Soal selidik ini akan diuji terlebih dahulu dalam kajian rintis untuk membuat sebarang penambahbaikan yang diperlukan.

Langkah seterusnya adalah mendapatkan kerjasama daripada sekolah-sekolah yang terlibat dalam kajian ini. Penyelidik akan mendapatkan izin daripada pihak pengurusan sekolah dan juga persetujuan daripada guru-guru yang terlibat. Pengagihan soal selidik dilakukan secara talian melalui platform seperti "*Google Forms*" bagi memastikan data yang dikumpul adalah kemas dan teratur.

Populasi kajian ini terdiri daripada guru-guru Bahasa Melayu di sekolah rendah Sekolah Kebangsaan di daerah Kanowit, Sarawak. Jumlah populasi yang terlibat iaitu 35 orang guru. Walau bagaimanapun, kajian tidak melibatkan guru-guru di sekolah SJK (C) di daerah Kanowit. Setelah menentukan populasi kajian, penyelidik membuat pemilihan sampel kajian dan saiz sampel yang sesuai dengan kajian ini. Menurut Mohd Majid Konting (2000), persampelan merupakan teknik untuk mendapatkan maklumat mengenai sesuatu populasi daripada sebahagian individu yang menganggotai populasi tersebut. Ini merupakan aspek penting untuk memastikan bahawa sampel yang diperoleh dapat mewakili populasi kajian. Sekiranya sampel

yang digunakan tidak tepat akan memberi kesan negatif terhadap kesahan dan kebolehpercayaan kajian. Pemilihan sampel adalah berdasarkan Jadual Penentu Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970). Bagi populasi kajian yang melibatkan 35 orang guru, sampel kajian ialah 30 orang. Walau bagaimanapun, penyelidik mengambil melebihi 35 peserta semasa mentadbir soal selidik untuk memastikan sampel yang diambil mencukupi sekiranya berlaku bias persampelan. Bias persampelan akan wujud sekiranya subjek atau responden yang telah dipilih menarik diri daripada peserta yang masih tinggal dari segi ciri yang memang diketahui mempunyai perkaitan dengan fenomena kajian.

Instrumen Kajian yang digunakan adalah soal selidik yang telah digunakan oleh pengkaji di dalam kajian yang lepas. Instrumen yang dipilih adalah berbentuk kajian tinjauan dengan soalan tertutup berbentuk skala likert. Data-data yang telah diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS Versi 27.0. Bagi persoalan kajian 1 dan 2, data dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif untuk mencari jumlah kekerapan, min dan sisihan piawai bagi setiap item tersebut. Manakala analisis menggunakan Korelasi Pearson digunakan untuk menganalisis apakah hubungan di antara sikap guru dengan tahap kemanfaatan dan kemudahan *Google Classroom* dalam kalangan guru Bahasa Melayu sekolah rendah (SK) di daerah Kanowit, Sarawak.

Analisis Korelasi Pearson digunakan bagi menguji hipotesis nol kajian iaitu H_0 - tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap guru dengan tahap kemanfaatan dan kemudahan *Google Classroom* dalam kalangan guru Bahasa Melayu sekolah rendah di daerah Kanowit, Sarawak. Analisis ini digunakan bagi melihat sama ada terdapat hubungan diantara dua pemboleh ubah yang di kaji. Sekiranya analisis kajian memberi keputusan korelasi yang sangat lemah atau negatif, maka hipotesis kajian ini diterima dan begitu juga sebaliknya sekiranya terdapat hubungan yang sangat tinggi iaitu positif, maka hipotesis H_0 tersebut ditolak.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini menerangkan dapatan kajian yang dijalankan bagi menjawab persoalan-persoalan kajian yang dikemukakan oleh penyelidik. Dapatan kajian dianalisis melalui *Statistic Package for Social Science* (SPSS) versi 27.0 bagi mendapatkan data kajian dalam peratus, min, sisihan piawai dan korelasi.

Demografi Responden.

Dapatan responden menunjukkan sebanyak 35 orang dengan jantina perempuan lebih tinggi iaitu 57.1% atau 20 orang berbanding responden lelaki seramai 15 orang atau 42.9% dalam kajian ini. Dari segi umur pula menunjukkan sebanyak 32 orang dengan kategori umur 41-50 tahun lebih tinggi iaitu 37.5% atau 12 orang berbanding responden kategori umur 51-60 tahun hanya 4 orang atau 12.5%. Berdasarkan dapatan item kategori sekolah, kajian ini melibatkan sebanyak 35 orang dengan 2.9% adalah dari sekolah bandar dan 97.1 % terdiri daripada lokasi sekolah di luar bandar. demografi kajian soal selidik berdasarkan dapatan item pengalaman mengajar. Jika dilihat aspek pengalaman mengajar pula, sebanyak 35 orang dengan pengalaman

mengajar melebihi 1 hingga 3 tahun lebih tinggi iaitu 37.1% atau 13 orang berbanding responden pengalaman mengajar 3-5 tahun hanya 4 orang atau 11.4%.

Tahap Kemanfaatan dan Kemudahangunaan *Google Classroom* Dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah Kebangsaan (SK) Di Daerah Kanowit, Sarawak.

Jadual 4.6 menunjukkan Analisis kajian Tahap kemanfaatan dan kemudahangunaan *Google Classroom* dalam kalangan guru Bahasa Melayu sekolah rendah di daerah Kanowit. Dapatan keseluruhan soal selidik kajian ini menunjukkan purata min = 2.91 dan sisihan piawai = .726 dan berada pada tahap sederhana. Hasil analisis mendapati nilai min Item 4 bagi Kemanfaatan menunjukkan min yang paling tinggi iaitu *Google Classroom* meningkatkan kecekapan saya sebagai seorang guru Bahasa Melayu dengan min = 3.11 dan sisihan piawai = .631

Bagi item kedua tertinggi ialah Item 1 dan Item 2 dengan nilai min = 3.09 iaitu *Google Classroom* dapat membantu saya dalam pengajaran matapelajaran Bahasa Melayu dan Penggunaan *Google Classroom* memudahkan urusan saya sebagai guru. Bagi item ketiga tertinggi pula ialah item Item 6 dengan nilai min = 2.97 (Saya dapat menyemak semua tugasan yang telah diberikan kepada murid melalui *Google Classroom*).

Manakala, bagi Item 3 (Semua topik Bahasa Melayu sesuai diajar dengan menggunakan *Google Classroom*) yang merupakan nilai min terendah yang diperolehi iaitu min = 2.80 berbanding kesemua tujuh item Kemanfaatan *Google Classroom*. Seterusnya, Bagi pembolehubah Kemudahangunaan *Google Classroom* pula, item 1 (Saya dapat menggunakan *Google Classroom* melalui telefon pintar) dan Item 6 (Saya dapat menggunakan *Google Classroom* melalui telefon pintar.) mendapat min tertinggi iaitu min = 3.03 dan berada pada tahap sederhana. Bagi item kedua tertinggi pula ialah item 5 (Paparan antara muka (interface) *Google Classroom* tidak mengelirukan) dengan min = 2.97. Bagi item ketiga tertinggi pula ialah item 8 (Saya boleh memberi tugasan, menyemak dan memberi markah di *Google Classroom* dengan mudah) dengan min = 2.94. Item yang mendapat min terendah bagi pembolehubah kemudahangunaan *Google Classroom* ialah item 7 (Saya tidak perlu memberi penerangan kepada murid mengenai cara-cara menggunakan *Google Classroom*) dengan min = 2.49 berbanding dengan lapan item yang lain.

Keseluruhannya, nilai purata min dan sisihan piawai Kemanfaatan dan Kemudahangunaan *Google Classroom* berada pada tahap yang sederhana sahaja iaitu min = 2.91 dan mendapat nilai min kurang daripada 3.51.

Jadual 4.6 Analisis Tahap Kemanfaatan dan Kemudahangunaan *Google Classroom* Dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah Kebangsaan (SK) Di Daerah Kanowit, Sarawak.

Bil	Tahap Kemanfaatan Dan Kemudahangunaan <i>Google Classroom</i>	1	2	3	4	Min	S.P	Tahap
		ATS (%)	TS (%)	S (%)	AS (%)			
	Kemanfaatan							

1	Google Classroom dapat membantu saya dalam pengajaran Bahasa Melayu	0 (0.0)	6 (17.1)	20 (57.1)	9 (25.7)	3.09	0.658	Sederhana
2	Penggunaan Google Classroom memudahkan urusan saya sebagai guru.	0 (0.0)	8 (22.9)	16 (45.7)	11 (31.4)	3.09	0.742	Sederhana
3	Semua topik Bahasa Melayu sesuai diajar dengan menggunakan Google Classroom.	1 (2.9)	11 (31.4)	17 (48.6)	6 (17.1)	2.80	0.759	Sederhana
4	Google Classroom meningkatkan kecekapan saya sebagai seorang guru Bahasa Melayu	0 (0.0)	5 (14.3)	21 (60.0)	9 (25.7)	3.11	0.631	Sederhana
5	Saya dapat mengaplikasikan pelbagai teknik pengajaran melalui Google Classroom	0 (0.0)	10 (28.6)	17 (48.6)	8 (22.9)	2.94	0.725	Sederhana
6	Saya dapat menyemak semua tugas yang telah diberikan kepada murid melalui Google Classroom.	0 (0.0)	8 (22.9)	20 (57.1)	7 (20.0)	2.97	0.664	Sederhana
7	Saya dapat membuat proses Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS) dengan merujuk hasil kerja murid di Google Classroom.	0 (0.0)	11 (31.4)	16 (45.7)	8 (22.9)	2.91	0.742	Sederhana
Kemudahgunaan								
1	Google Classroom mudah digunakan.	0 (0.0)	8 (22.9)	18 (51.4)	9 (25.7)	3.03	0.707	Sederhana
2	Saya tidak mengambil masa yang lama untuk mempelajari penggunaan Google Classroom.	1 (2.9)	9 (25.7)	18 (51.4)	7 (20.0)	2.89	0.754	Sederhana
3	Saya tidak memerlukan kursus atau latihan tentang cara menggunakan Google Classroom.	3 (8.6)	14 (40.0)	14 (40.0)	4 (11.4)	2.54	0.817	Sederhana
4	Sistem navigasi Google Classroom mudah difahami	1 (2.9)	10 (28.6)	17 (48.6)	7 (20.0)	2.86	0.772	Sederhana

5	Paparan antara muka (<i>interface</i>) Google Classroom tidak mengelirukan.	0 (0.0)	8 (22.9)	20 (57.1)	7 (20.0)	2.97	0.664	Sederhana
6	Saya dapat menggunakan Google Classroom melalui telefon pintar.	0 (0.0)	5 (14.3)	24 (68.6)	6 (17.1)	3.03	0.568	Sederhana
7	Saya tidak perlu memberi penerangan kepada murid mengenai cara-cara menggunakan Google Classroom.	4 (11.4)	15 (42.9)	11 (31.4)	5 (14.3)	2.49	0.887	Rendah
8	Saya boleh memberi tugas, menyemak dan memberi markah di Google Classroom dengan mudah.	1 (2.9)	9 (25.7)	16 (45.7)	9 (25.7)	2.94	0.802	Sederhana
Purata						2.91	0.726	Sederhana
(N=35)								

Tahap sikap guru terhadap penggunaan *Google Classroom* dalam kalangan guru Bahasa Melayu sekolah rendah Kebangsaan (SK) di daerah Kanowit, Sarawak.

Jadual 4.7 menunjukkan analisis kajian sikap guru Bahasa Melayu sekolah Rendah Kebangsaan (SK) di daerah Kanowit terhadap penggunaan *Google Classroom*. Dapatan keseluruhan soal selidik kajian menunjukkan min purata = 2.82 dan sisihan piawai = .687 iaitu pada tahap sederhana. Nilai item tertinggi ialah Item 2 iaitu min = 3.03 (Saya menyokong penggunaan *Google Classroom* dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan). Item kedua tertinggi ialah item 5 iaitu min = 3.00 (Saya yakin penggunaan *Google Classroom* dapat meningkatkan pemahaman pelajar terhadap isi pelajaran).

Seterusnya bacaan min yang terendah daripada kesemua enam bacaan nilai item soal selidik sikap guru terhadap penggunaan *Google Classroom* dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah Kebangsaan (SK) di Daerah Kanowit ialah item 1 (Saya kerap menggunakan *Google Classroom* sebagai medium pengajaran dan pemudahcaraan) iaitu nilai min 2.49, sisihan piawai = .742.

Secara keseluruhannya, dapatan Analisis nilai min dan sisihan piawai sikap guru terhadap penggunaan *Google Classroom* dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah Kebangsaan (SK) di daerah Kanowit adalah pada tahap sederhana dan boleh dipertingkatkan lagi dari semasa ke semasa.

Jadual 4.7 Tahap sikap guru terhadap penggunaan *Google Classroom* dalam kalangan guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah Kebangsaan (SK) di Daerah Kanowit, Sarawak.

Bil	Sikap Guru Terhadap Google Classroom	1	2	3	4	Min	S.P	Tahap
		AS (%)	TS (%)	S (%)	AS (%)			
1	Saya kerap menggunakan Google Classroom sebagai medium pengajaran dan pemudahcaraan.	2 (5.7)	17 (48.6)	13 (37.1)	3 (8.6)	2.49	0.742	Sederhana
2	Saya menyokong penggunaan Google Classroom dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan.	0 (0.0)	7 (20.0)	20 (57.1)	8 (22.9)	3.03	0.664	Sederhana
3	Penggunaan Google Classroom tidak membebankan tugas saya sebagai guru.	0 (0.0)	13 (37.1)	18 (51.4)	4 (11.4)	2.74	0.657	Sederhana
4	Saya memilih untuk menggunakan Google Classroom berbanding pelantar pembelajaran yang lain.	0 (0.0)	16 (45.7)	12 (34.3)	7 (20.0)	2.74	0.780	Sederhana
5	Saya yakin penggunaan Google Classroom dapat meningkatkan pemahaman pelajar terhadap isi pelajaran.	0 (0.0)	8 (22.9)	19 (54.3)	8 (22.9)	3.00	0.686	Sederhana
6	Saya yakin penggunaan Google Classroom dapat meningkatkan pencapaian akademik murid.	0 (0.0)	7 (20.0)	23 (65.7)	5 (14.3)	2.94	0.591	Sederhana
Purata						2.82	0.687	Sederhana
(n=35)								

Analisis Statistik Inferensi (Korelasi Pearson) (Hubungan antara sikap guru dengan tahap kemanfaatan dan kemudahgunaan *Google Classroom* dalam kalangan guru Bahasa Melayu sekolah rendah Kebangsaan (SK) di daerah Kanowit, Sarawak).

Jadual 4.8 menunjukkan dapatan kajian bagi hubungan antara sikap guru dengan tahap kemanfaatan dan kemudahgunaan *Google Classroom* dalam kalangan guru Bahasa Melayu sekolah Rendah (SK) di daerah Kanowit, Sarawak. Analisa Korelasi Pearson menunjukkan nilai

pekali $r = 0.869$. Ini menunjukkan hubungan positif tinggi yang signifikan wujud di antara kedua-dua pemboleh ubah. Bagi nilai signifikan pula, $p = 0.001$ ($p < 0.01$) adalah lebih kecil dari aras signifikan yang ditetapkan iaitu 0.01. Oleh yang demikian, terdapat hubungan positif tinggi yang signifikan antara sikap guru dengan tahap kemanfaatan dan kemudahan *Google Classroom* dalam kalangan guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah Kebangsaan (SK) di daerah Kanowit, Sarawak.

Jadual 4.8 Analisis Korelasi Pearson

Korelasi		
Sikap guru terhadap penggunaan <i>Google Classroom</i> dalam kalangan guru Bahasa Melayu sekolah rendah Kebangsaan (SK) di daerah Kanowit, Sarawak.		
Kemanfaatan dan Kemudahan <i>Google Classroom</i> Dalam Kalangan Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah Kebangsaan (SK) Di Daerah Kanowit.	Korelasi Pearson	.869**
	Sig. (2-hujung)	0.001
** Signifikan pada aras 0.01 level (2-hujung).		

Jadual 4.9 Analisis Hipotesis Kajian

Hipotesis	Dapatan kajian
H01: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sikap guru dengan tahap kemanfaatan dan kemudahan " <i>Google Classroom</i> " dalam kalangan guru Bahasa Melayu sekolah Rendah Kebangsaan (SK) di Daerah Kanowit, Sarawak.	H01 Gagal Diterima

PERBINCANGAN

Kajian ini dijalankan untuk meneliti tahap penggunaan *Google Classroom* serta hubungan antara sikap guru dengan kemanfaatan dan kemudahan platform tersebut dalam kalangan guru Bahasa Melayu sekolah rendah di daerah Kanowit, Sarawak. Menggunakan pendekatan

kuantitatif dengan kaedah tinjauan soal selidik, seramai 35 orang guru telah terlibat sebagai responden kajian.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan *Google Classroom* adalah pada tahap sederhana, manakala sikap guru terhadap penggunaannya berada pada tahap positif. Terdapat hubungan yang signifikan antara sikap guru dengan tahap kemanfaatan dan kemudahan *Google Classroom*. Ini menandakan bahawa semakin positif sikap guru, semakin tinggi persepsi mereka terhadap keberkesanan dan kemudahan penggunaan platform tersebut dalam PdPc. Namun begitu, pelbagai cabaran masih dihadapi terutama dari segi kemudahan infrastruktur ICT, literasi digital serta sokongan teknikal yang terhad di sekolah luar bandar. Dapatan ini selari dengan beberapa kajian lepas, baik di dalam mahupun luar negara, yang menekankan peranan penting sikap guru dan sokongan sistematik dalam mempertingkatkan penggunaan teknologi pendidikan secara efektif. Kajian ini memberi implikasi penting kepada pembuat dasar, pihak sekolah, dan guru itu sendiri dalam usaha memperkasakan penggunaan teknologi secara lebih berkesan dan inklusif, khususnya dalam kalangan guru bahasa ibunda di kawasan pedalaman.

Kajian mengenai "Pengetahuan dan Kemahiran Menggunakan *Google Classroom* Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah" telah memberikan wawasan yang mendalam tentang sejauh mana guru-guru Bahasa Melayu mengintegrasikan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran mereka. Dengan pesatnya perkembangan teknologi dan keperluan untuk memenuhi standard pendidikan abad ke-21, hasil kajian ini menunjukkan bahawa terdapat keseimbangan antara potensi penggunaan teknologi dan cabaran yang dihadapi oleh guru-guru dalam mengimplementasikannya.

Dari analisis data kuantitatif, didapati bahawa majoriti guru-guru Bahasa Melayu memiliki pengetahuan asas mengenai alat dan aplikasi teknologi. Namun, tahap kemahiran mereka dalam penggunaan teknologi secara efektif di dalam bilik darjah masih perlu dipertingkatkan. Sebahagian besar responden menunjukkan minat dan kesediaan untuk belajar lebih lanjut tentang penggunaan teknologi dalam pengajaran, tetapi banyak yang juga menyatakan kekurangan dalam sokongan serta sumber yang mereka perlukan untuk melaksanakan pengintegrasian teknologi dengan berkesan.

Kesimpulannya, kajian ini menekankan perlunya peningkatan berterusan dalam latihan dan pembangunan profesional untuk guru-guru Bahasa Melayu, dengan memberi tumpuan khusus kepada kemahiran teknologi. Langkah-langkah seperti penyediaan kursus latihan yang berfokus pada teknologi pendidikan, akses kepada sumber pengajaran digital yang berkualiti, dan promosi budaya inovasi dalam pendidikan dapat membantu meningkatkan kemampuan guru. Apabila guru-guru dibudayakan dengan pengetahuan dan kemahiran yang betul, mereka berpotensi untuk mencipta pengalaman pembelajaran yang lebih efektif dan menarik bagi pelajar mereka. Adalah penting bagi pihak berkenaan untuk mendukung guru-guru dalam integrasi teknologi bukan sahaja untuk memperkasakan pengajaran Bahasa Melayu, tetapi juga untuk memastikan pelajar bersedia menghadapi cabaran pendidikan dan pasaran kerja global yang semakin kompetitif. Dengan pendekatan yang tepat dan sokongan yang berkesan, pendidikan Bahasa Melayu dapat ditransformasikan untuk memberikan impak yang lebih besar dalam perkembangan pelajar abad ke-21.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, hasil penyelidikan ini menunjukkan bahawa tahap penggunaan *Google Classroom* dalam kalangan guru Bahasa Melayu sekolah rendah di daerah Kanowit adalah pada tahap yang sederhana. Kajian ini juga mendapati bahawa sikap guru terhadap penggunaan *Google Classroom* berada pada tahap positif tetapi masih belum sepenuhnya optimum. Sementara itu, aspek kemanfaatan dan kemudahgunaan *Google Classroom* turut menunjukkan keputusan yang sederhana, menandakan masih terdapat ruang penambahbaikan dari segi kefahaman, latihan, serta sokongan teknikal kepada guru.

Dapatan kajian turut menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara sikap guru dengan tahap kemanfaatan dan kemudahgunaan *Google Classroom*. Ini menunjukkan bahawa sikap guru memainkan peranan penting dalam mempengaruhi sejauh mana mereka melihat keberkesanan dan kebolehgunaan platform ini dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Sikap yang positif terhadap teknologi terbukti membantu meningkatkan penggunaan secara lebih berkesan dan bermakna.

Walau bagaimanapun, kekangan seperti infrastruktur ICT yang tidak mencukupi, capaian internet yang terhad di kawasan luar bandar dan tahap literasi digital yang berbeza-beza dalam kalangan guru menjadi faktor penghalang kepada penggunaan optimum *Google Classroom*. Oleh itu, hasil kajian ini memberi gambaran jelas bahawa walaupun wujud kesedaran dan penerimaan terhadap penggunaan teknologi pendidikan, usaha secara menyeluruh dan sistematik masih diperlukan untuk memastikan pelaksanaan yang lebih berkesan.

Secara keseluruhannya, kajian ini memberi sumbangan penting dalam memahami faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan teknologi pendidikan dalam kalangan guru Bahasa Melayu. Dapatan ini bukan sahaja dapat digunakan sebagai asas kepada pihak sekolah dan Pejabat Pendidikan Daerah dalam merancang strategi latihan dan sokongan, malah boleh dijadikan panduan oleh pembuat dasar dalam usaha memperkasakan pembelajaran digital yang lebih inklusif dan berkesan di sekolah rendah luar bandar.

RUJUKAN

- Alias, N., Zakaria, A. R., & Zainuddin, M. Z. 2020. Penggunaan Google Classroom dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*.
- Azizan, S. N., Noraini, I., & Ramli, N. H. 2019. Kemudahan dan Keberkesanan Penggunaan Google Classroom dalam Pengajaran. *Jurnal Teknologi Pendidikan Malaysia*, 7(2): 15-22.
- Ali, N., & Norazah, N. 2018. Cabaran Integrasi Teknologi Digital dalam Pendidikan Rendah. *Prosiding Seminar Kebangsaan Sains Sosial dan Kemanusiaan*, hal. 456–468.
- Hashim, H., & Yunus, M. M. 2020. Teachers' Attitudes and Challenges in Using Google Classroom for ESL Teaching. *Journal of Education and e-Learning Research*, 7(4): 408–414.
- Iftakhar, S. 2016. Google Classroom: What Works and How? *Journal of Education and Social Sciences*, 3: 12-18.

- Al-Marroof, R. S., & Al-Emran, M. 2018. *Students Acceptance of Google Classroom: An Exploratory Study Using PLS-SEM Approach*. Education and Information Technologies. t.tp.: t.pt.
- Mustafa, M. H., Abdullah, A. H., & Abu, M. S. 2021. Cabaran Penggunaan Google Classroom dalam Kalangan Guru di Sekolah Pedalaman. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*.
- Norazah, M. N., Alias, N., & Mohd Nasir, N. 2020. Kendala Pelaksanaan Pembelajaran Digital di Sekolah Rendah: Perspektif Guru dan Ibu Bapa. *Malaysian Online Journal of Educational Technology*.
- Salleh, S., Nordin, N., & Kamarulzaman, W. 2021. Model Integrasi Teknologi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran: Kajian Terhadap Guru Sekolah Rendah. *Journal of ICT in Education*.
- Teo, T. 2011. Factors influencing teachers' intention to use technology: Model development and test. *Computers & Education*.
- Tondeur, J., van Braak, J., Ertmer, P. A., & Ottenbreit-Leftwich, A. 2017. Understanding the Relationship Between Teachers' Pedagogical Beliefs and Technology Use in Education. *Computers & Education*, 75: 1-13.
- Yusof, M. A. M., Aziz, A. A., & Jamil, H. 2021. Sikap Guru terhadap Penggunaan Teknologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 46(1): 20-31.